

PM mahu subsidi pendidikan anak orang kaya dihenti

Kerajaan akan bersikap adil agih bantuan persekolahan, utamakan golongan rentan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan kerajaan mungkin menghentikan subsidi bagi membiayai pendidikan anak golongan kaya di sekolah awam terbaik negara.

Menyifatkan tindakan membiarkan ketirisan subsidi besar seperti itu berterusan sebagai tindakan tidak adil, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, menegaskan, dana berkenaan sepatutnya boleh diagih kepada golongan miskin.

Tegas Anwar, kerajaan mahu bersikap adil dalam mengagihkan bantuan dengan mengutamakan kumpulan memerlukan seperti golongan rentan.

Berucap ketika merasmikan Simposium Kebangsaan Menekata Kemiskinan 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam, Perdana Menteri menegaskan, perkara itu antara diberi keutamaan

dalam pembentangan Belanjaan 2025 pada 18 Oktober ini.

"Bentuk ketirisan (subsidi), termasuk anak-anak golongan paling kaya ke sekolah-sekolah menengah sains yang dibantu dan diberi subsidi tinggi oleh kerajaan, ini harus dihentikan.

"Pengagihan dana perlu dilaksanakan secara adil terutama di kawasan yang terpencil dan kadar kemiskinan tertinggi. Negara kalau benar mahu adil, harus adil kepada golongan yang memerlukan, termasuk golongan rentan," katanya.

Perlu ada usaha berterusan

Sebagai contoh, jelasnya, sekolah menengah di Kapit, Sarawak iaitu antara daerah yang terpencil dan tertinggi kadar kemiskinan, pemberian dana mungkin tidak setimpal, tetapi sekurang-kurangnya harus ada usaha berterusan bagi meningkatkan kemudahan, keupayaan dan mutu pendidikan.

"Orang kanan penjawat awam, pimpinan politik, pengusaha terkenal, itu semua (anak) yang dihantar sekolah terbaik yang dibiayai oleh kerajaan dengan kadar yang tinggi seperti sekolah menengah sains dan Maktab Rendah Sains MARA.

"Ia sebenarnya meletakkan kita dalam keadaan tidak adil. Sepatutnya kalau anak orang kaya berkenaan dihantar ke Fakulti Kejuruteraan contohnya, Melayu atau Cina, dia (perlu) bayarlah. Jadi, dengan cara itu, kita boleh

menampung kekurangan.

"Kalau tidak subsidi ini (golongan kaya) berterusan dan hasil ini (sepertutnya) akan digunakan untuk membantu tambahan kepada rakyat yang miskin," katanya.

Sementara itu beliau juga mahu supaya pendekatan penyaluran dana kerajaan kepada golongan miskin dinilai semula agar bantuan itu tidak disalah guna, dan ia seharusnya diuruskan mengikut prosedur.

Beliau berkata ada agensi yang bertanggungjawab menyantuni golongan miskin didapati menggunakan 80 peratus dana yang diperuntukkan khusus untuk pengurusan jabatan, dan selebihnya barulah disalurkan kepada golongan sasaran.

"Saudara membicarakan soal peruntukan, tetapi dana diperuntukkan kepada jabatan dan agensi yang bocor dan tiris tidak dibicarakan, sebab itu memerangi rasuah daripada lingkungan itu jangan dipandang remeh.

"Apakah munasabah satu badan yang ditubuhkan untuk membantu orang miskin, memberi upah kepada pengurusan (dengan amaun) tertinggi dan perjalanan kelas pertama ke serata dunia.

"Dana membasmi kemiskinan itu sudah antara tertinggi di dunia, tapi adakah ia betul-betul berkesan, berapa banyak tirisnya, berapa banyak dibelanjakan untuk pengurusan, bagaimana kita harus tentukan bahawa bantuan itu untuk memerdekakan dan mem-

Subsidi sekolah dan universiti awam ditanggung kerajaan

• Bantuan Awal Persekolahan RM150 pelajar Tahun Satu hingga Tingkatan Lima sekolah kebangsaan

- Babit 5,254.200 orang murid di seluruh negara bermula Januari lalu

• Pengecualian bayaran yuran di universiti awam RM30 juta

- Subsidi kerajaan kira-kira 90 peratus daripada kos yuran sebenar, manakala pelajar hanya perlu membayar baki 10 peratus sahaja

• Fakulti Sains

- Purata kos mencecah lebih RM23,000 setahun, dengan subsidi RM19,000

• Fakulti Kejuruteraan

- Kos sebenar hampir RM25,000 tetapi subsidi mencecah RM18,000

• Jurusan perubatan

- Yuran tahunan lebih RM60,000 tetapi kerajaan salur subsidi sehingga RM56,000

• Subsidi tiket penerbangan pelajar di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan

bebaskan mereka dari belunggu kemiskinan," katanya.

Anwar berkata, masalah kemiskinan tegar di negara ini hanya boleh diselesaikan dengan memerdekakan golongan rentan menerusi pelaksanaan program yang berkesan oleh kerajaan.

Beliau berkata, usaha membantu golongan rentan berkenaan perlu dilakukan sehingga mereka 'merdeka' dari segi ekonomi atau mampu berdikari dan bukan sekadar untuk hidup, supaya golongan itu terhindar dari 'sindrom



• Bantuan pelajar Kolej Komuniti RM300 sebulan atau RM1,800 sepanjang satu semester

• Yuran program MyBrainSC

untuk pengajian peringkat ijazah pertama dan pasca ijazah sepenuh masa dalam bidang sains tulen

• Yuran program MyBrain15 menyediakan pembiayaan pengajian di peringkat Ijazah Kedokteran dan MyMaster

• Biasiswa kepada pensyarah IPTA melanjutkan pengajian di peringkat Sub Kepakaran Perubatan dan Pasca Kedokteran

kebergantungan'.

Perdana Menteri berkata kerajaan di bawah pentadbirannya bertekad mencari penyelesaian tuntas dalam membendung isu kemiskinan tegar di negara ini.

"Sebab itu kalau program-program yang dikemukakan termasuk Inisiatif Pendapatan Rakyat, itu bukan soal bantuan dana, itu memberikan ruang mereka bekerja, membebaskan dan kemudian tidak lagi bergantung. Ini baru bagi kita, petanda kejayaan," katanya.